



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2006

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN DENGAN
MEMPERUNTUK PERBEKALAN KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH TINGGI UNTUK 11 SKIM PERKHIDMATAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk memperuntuk perbekalan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi bagi 11 skim perkhidmatan di bawah kelompok Kumpulan Pengurusan dan Profesional seiring dengan perkembangan persekitaran dan tuntutan keperluan perkhidmatan itu sendiri.

LATAR BELAKANG

2. Dalam persekitaran yang sentiasa mengalami perubahan, perkhidmatan awam hendaklah dinamik dan berkembang mengikut perubahan persekitarannya serta membangun modal insan yang mantap bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan selaras dengan aspirasi negara dan rakyat.

3. Selaras dengan perubahan persekitaran itu, kerajaan turut mengiktiraf kepentingan perkhidmatan-perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Pegawai Kaji Cuaca, Pegawai Hidupan Liar, Pegawai Arkib, Pustakawan, Kurator, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Berita, Pegawai Perhubungan Perusahaan, Pegawai Penerangan dan Pegawai Perancang Bahasa dan bersetuju meluluskan perbekalan Kenaikan Pangkat Ke Gred Yang Lebih Tinggi dalam membolehkan pewujudan jawatan di peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar dan Pegawai Kaji Cuaca Gred C3, C2, C1, Pegawai Hidupan Liar Gred G3, G2, G1, Pegawai Arkib, Pustakawan, Kurator, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Berita, Pegawai Perhubungan Perusahaan, Pegawai Penerangan dan Pegawai Perancang Bahasa Gred S3, S2, S1 sedia ada adalah dipinda dengan memperuntukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Ke Gred Yang Lebih Tinggi.

5. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia berkuat kuasa 1 November 2002, pindaan skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Pegawai Kaji Cuaca, Pegawai Hidupan Liar, Pegawai Arkib, Pustakawan, Kurator, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Berita, Pegawai Perhubungan Perusahaan, Pegawai Penerangan dan Pegawai Perancang Bahasa adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Kawalan Alam Sekitar di **Lampiran A**;
- (b) Pegawai Kaji Cuaca di **Lampiran B**;
- (c) Pegawai Hidupan Liar di **Lampiran C**;
- (d) Pegawai Arkib di **Lampiran D**;
- (e) Pustakawan di **Lampiran E**;
- (f) Kurator di **Lampiran F**;
- (g) Pegawai Pembangunan Masyarakat di **Lampiran G**;

- (h) Pegawai Berita di **Lampiran H**;
- (i) Pegawai Perhubungan Perusahaan di **Lampiran I**;
- (j) Pegawai Penerangan di **Lampiran J**; dan
- (k) Pegawai Perancang Bahasa di **Lampiran K**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa bagi pindaan 11 skim perkhidmatan tersebut adalah mulai 1 Januari 1992 dan selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia, kuat kuasa skim-skim perkhidmatan ini adalah mulai 1 November 2002.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Pegawai Kaji Cuaca, Pegawai Hidupan Liar, Pegawai Arkib, Pustakawan, Kurator, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Berita, Pegawai Perhubungan Perusahaan, Pegawai Penerangan dan Pegawai Perancang Bahasa yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Julai 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SAINS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred C41	: P1T1 RM1492.80	- P1T27 RM4101.56		
	P2T1 RM1576.29	- P2T27 RM4345.98		
	P3T1 RM1663.41	- P3T27 RM4596.45		
Gred C44	: P1T1 RM2628.99	- P1T14 RM4359.29		
	P2T1 RM2909.71	- P2T14 RM4765.85		
Gred C48	: P1T1 RM3848.67	- P1T8 RM5110.70		
	P2T1 RM4231.03	- P2T8 RM5594.70		
Gred C52	: P1T1 RM4331.46	- P1T8 RM5593.49		
	P2T1 RM4742.86	- P2T8 RM6106.53		
Gred C54	: P1T1 RM4567.41	- P1T8 RM5945.60		
	P2T1 RM4971.55	- P2T8 RM6487.68		

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang kimia hayat, kaji hayat, fizik atau ekologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T3); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Sains (Alam Sekitar) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T4); atau

(iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Mekanik, Kimia, Elektrik atau Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T5);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Kawalan Alam Sekitar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pegawai Kawalan Alam Sekitar hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C44**

10. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C48**

11. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C52**

12. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C54**

13. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN B

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KAJI CUACA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SAINS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred C41	: P1T1	RM1492.80	-	P1T27	RM4101.56
	P2T1	RM1576.29	-	P2T27	RM4345.98
	P3T1	RM1663.41	-	P3T27	RM4596.45
Gred C44	: P1T1	RM2628.99	-	P1T14	RM4359.29
	P2T1	RM2909.71	-	P2T14	RM4765.85
Gred C48	: P1T1	RM3848.67	-	P1T8	RM5110.70
	P2T1	RM4231.03	-	P2T8	RM5594.70
Gred C52	: P1T1	RM4331.46	-	P1T8	RM5593.49
	P2T1	RM4742.86	-	P2T8	RM6106.53
Gred C54	: P1T1	RM4567.41	-	P1T8	RM5945.60
	P2T1	RM4971.55	-	P2T8	RM6487.68

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang matematik atau fizik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T3);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Kaji Cuaca adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Kaji Cuaca Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- | | |
|--|---|
| PENETAPAN GAJI
PERMULAAN | 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | 4. Pegawai Kaji Cuaca Gred C41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 5. Pegawai Kaji Cuaca boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN | 6. Pegawai Kaji Cuaca Gred C41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 7. Pegawai Kaji Cuaca Gred C41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN | 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN | 9. Pegawai Kaji Cuaca hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C44 | 10. Pegawai Kaji Cuaca Gred C41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kaji Cuaca Gred C44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C48 | 11. Pegawai Kaji Cuaca Gred C44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kaji Cuaca Gred C48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan. |

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C52**

12. Pegawai Kaji Cuaca Gred C48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kaji Cuaca Gred C52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C54**

13. Pegawai Kaji Cuaca Gred C52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kaji Cuaca Gred C54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Pegawai Kaji Cuaca Gred C54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN C

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI HIDUPAN LIAR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred G41	: P1T1	RM1473.44	-	P1T27	RM4038.64
	P2T1	RM1555.72	-	P2T27	RM4280.64
	P3T1	RM1641.63	-	P3T27	RM4543.21
Gred G44	: P1T1	RM2593.90	-	P1T14	RM4292.74
	P2T1	RM2870.99	-	P2T14	RM4711.40
Gred G48	: P1T1	RM3785.75	-	P1T8	RM5022.37
	P2T1	RM4160.85	-	P2T8	RM5499.11
Gred G52	: P1T1	RM4261.28	-	P1T8	RM5497.90
	P2T1	RM4665.42	-	P2T8	RM6003.68
Gred G54	: P1T1	RM4492.39	-	P1T8	RM5845.17
	P2T1	RM4889.27	-	P2T8	RM6379.99

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang zoologi atau biologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang zoologi atau biologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G41: P1T3); atau
(iii) ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G41: P1T4);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Hidupan Liar adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Hidupan Liar Gred G41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Hidupan Liar Gred G41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Hidupan Liar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Hidupan Liar Gred G41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Hidupan Liar Gred G41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pegawai Hidupan Liar hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G44**

10. Pegawai Hidupan Liar Gred G41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Hidupan Liar Gred G44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G48**

11. Pegawai Hidupan Liar Gred G44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Hidupan Liar Gred G48 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G52**

12. Pegawai Hidupan Liar Gred G48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Hidupan Liar Gred G52 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G54**

13. Pegawai Hidupan Liar Gred G52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Hidupan Liar Gred G54 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Pegawai Hidupan Liar Gred G54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI ARKIB**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred S41	:	P1T1	RM1468.60	-	P1T27	RM4033.80
		P2T1	RM1550.88	-	P2T27	RM4275.80
		P3T1	RM1636.79	-	P3T27	RM4538.37
Gred S44	:	P1T1	RM2587.85	-	P1T14	RM4286.69
		P2T1	RM2864.94	-	P2T14	RM4705.35
Gred S48	:	P1T1	RM3780.91	-	P1T8	RM5017.53
		P2T1	RM4156.01	-	P2T8	RM5494.27
Gred S52	:	P1T1	RM4256.44	-	P1T8	RM5493.06
		P2T1	RM4660.58	-	P2T8	RM5998.84
Gred S54	:	P1T1	RM4486.34	-	P1T8	RM5839.12
		P2T1	RM4883.22	-	P2T8	RM6373.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);

dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Arkib adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Arkib Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Arkib Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Arkib boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Arkib Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Arkib Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pegawai Arkib hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
10. Pegawai Arkib Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Arkib Gred S44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S48**
11. Pegawai Arkib Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Arkib Gred S48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S52**

12. Pegawai Arkib Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Arkib Gred S52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S54**

13. Pegawai Arkib Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Arkib Gred S54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Pegawai Arkib Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN E

SKIM PERKHIDMATAN PUSTAKAWAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred S41	: P1T1	RM1468.60	-	P1T27	RM4033.80
	P2T1	RM1550.88	-	P2T27	RM4275.80
	P3T1	RM1636.79	-	P3T27	RM4538.37
Gred S44	: P1T1	RM2587.85	-	P1T14	RM4286.69
	P2T1	RM2864.94	-	P2T14	RM4705.35
Gred S48	: P1T1	RM3780.91	-	P1T8	RM5017.53
	P2T1	RM4156.01	-	P2T8	RM5494.27
Gred S52	: P1T1	RM4256.44	-	P1T8	RM5493.06
	P2T1	RM4660.58	-	P2T8	RM5998.84
Gred S54	: P1T1	RM4486.34	-	P1T8	RM5839.12
	P2T1	RM4883.22	-	P2T8	RM6373.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian (dengan pengkhususan dalam bidang sains perpustakaan) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T4);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pustakawan Gred S41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pustakawan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pustakawan Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pustakawan Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pustakawan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
9. Pustakawan Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S48**

10. Pustakawan Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S52**

11. Pustakawan Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S54**

12. Pustakawan Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

13. Pustakawan Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN F

**SKIM PERKHIDMATAN
KURATOR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred S41	: P1T1	RM1468.60	-	P1T27	RM4033.80
	P2T1	RM1550.88	-	P2T27	RM4275.80
	P3T1	RM1636.79	-	P3T27	RM4538.37
Gred S44	: P1T1	RM2587.85	-	P1T14	RM4286.69
	P2T1	RM2864.94	-	P2T14	RM4705.35
Gred S48	: P1T1	RM3780.91	-	P1T8	RM5017.53
	P2T1	RM4156.01	-	P2T8	RM5494.27
Gred S52	: P1T1	RM4256.44	-	P1T8	RM5493.06
	P2T1	RM4660.58	-	P2T8	RM5998.84
Gred S54	: P1T1	RM4486.34	-	P1T8	RM5839.12
	P2T1	RM4883.22	-	P2T8	RM6373.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Diploma Seni Lukis dan Seni Reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba atau zoologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Kurator Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Kurator boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Kurator Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Kurator Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

